

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH SESI
AKADEMIK 2025/2026**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) Sesi Akademik 2025/2026 bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) telah selesai dilaksanakan pada 10 Disember 2025. Seramai 5,819 orang MBPK dari 896 buah sekolah di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi Sesi Akademik 2025/2026 dan layak menerima Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM).

SASM Sesi Akademik 2025/2026 bagi MBPK akan dikeluarkan pada 20 Januari 2026 (Selasa) dan boleh diperoleh dari sekolah masing-masing mulai pukul 10.00 pagi.

KPM mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua calon yang layak menerima SASM bagi Sesi Akademik 2025/2026. KPM kekal komited untuk memastikan akses pendidikan yang adil, saksama dan inklusif selaras dengan hala tuju serta aspirasi pendidikan negara.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
15 JANUARI 2026**